



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

---

### KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PYT DANIELLA ORTEGA DE PAIVA MENEZES, DUTA BESAR BRAZIL KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

---

**PUTRAJAYA, 20 MEI 2026** – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah menerima kunjungan hormat daripada PYT Daniella Ortega de Paiva Menezes, Duta Besar Brazil ke Malaysia pada 19 Mei 2026. Pertemuan julung kali ini memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk meneroka potensi kerjasama dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan, di samping memperkukuh hubungan perdagangan sedia ada antara Malaysia dan Brazil.

Rekod perdagangan pertanian antara Malaysia dan Brazil sehingga Disember 2025 mencatatkan nilai sebanyak RM6.53 bilion, yang merangkumi eksport produk makanan diproses dan pelbagai produk makanan lain, manakala import utama dari Brazil terdiri daripada gula, produk berasaskan gula dan madu.

Perbincangan kali ini menumpukan kepada kerjasama teknikal antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan *Brazilian Agricultural Research Corporation* (EMBRAPA) yang telah menandatangani *Letter of Intent* (LOI) dan menuju ke arah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama penyelidikan melibatkan tanaman jagung, kelapa, soya dan *sorghum* termasuk pertukaran kepakaran teknikal antara kedua-dua pihak institusi penyelidikan tersebut.

Selain itu, Malaysia dan Brazil turut membincangkan potensi eksport buah-buahan dari Brazil ke Malaysia, khususnya epal, dengan protokol eksport epal dijangka dimuktamadkan dalam masa terdekat sebelum kerjasama perdagangan diperluaskan kepada eksport buah-buahan lain seperti tembikai kuning.

Kedua-dua pihak juga membincangkan kerjasama dalam pembangunan sektor perikanan dan akuakultur melalui program pemindahan teknologi dan latihan kepakaran oleh *Brazilian Cooperation Agency* bersama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), khususnya berkaitan Sistem Akuakultur Bersepadu Multi-Trofik. Malaysia

menyambut baik inisiatif tersebut sebagai langkah memperkukuh pembangunan industri akuakultur negara yang lebih mampan, berdaya saing dan berteknologi tinggi.

Dalam pertemuan tersebut, YB Menteri turut menyambut baik pengesahan penyertaan Brazil dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang, bertemakan “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Turut hadir dalam sesi kunjungan hormat tersebut adalah pegawai-pegawai kanan KPKM.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

